



## **UCAPAN TETAMU KEHORMAT**

**YANG BERHORMAT  
DATO SERI SETIA IR. AWANG HAJI SUHAIMI BIN  
HAJI GAFAR,  
MENTERI PEMBANGUNAN  
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

**"MINGGU KESELAMATAN DAN KESIHATAN 2019"  
JABATAN KERJA RAYA  
BRUNEI DARUSSALAM**

**DEWAN ATRIA SIMPUR  
IBU PEJABAT JABATAN KERJA RAYA  
HARI ISNIN, 23 SYA'BAN 1440 / 29 APRIL 2019**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Alhamdulillahi Rabbil 'Alamiin Wasaalatu Wassalaamu 'Ala Asyrafil Ambiaai Walmursaliin, Saidina Muhamadin Wa'alaa Aalihi Wasahbihi Ajama'iin.

- Yang Mulia, Ar. Awang Haji Marzuke Bin Haji Mohsin, Timbalan Menteri Kementerian Pembangunan
- Yang Mulia, Awang Haji Amir Azman bin Pehin Orang Kaya Pekerma Setia Dato Paduka Haji Abdul Rahman, Pemangku Pengarah Pentadbiran dan Kewangan, selaku Pengerusi Majlis
- Yang Mulia, Dr. Nor Imtihan Binti Haji Abdul Razak, Setiausaha Tetap (Perancangan, Guna Tanah Dan Alam Sekitar) Kementerian Pembangunan
- Yang Mulia, Ir. Awang Haji Amer Hishamuddin Bin Pehin Orang Kaya Amar Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Zakaria, Setiausaha Tetap (Infrastruktur, Perumahan Dan Profesional), Kementerian Pembangunan
- Yang Mulia, Dr. Awang Haji Azman bin Ahmad, Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi), Kementerian Pendidikan

- Yang Mulia, Ir. Dayang Hajah Siti Aidah Binti Haji Mohammad, Timbalan Setiausaha Tetap (Industri Pembinaan Dan Kemajuan) Kementerian Pembangunan
- Yang Mulia, Ir. Dayang Lim Sui Kau Alice, Pemangku Ketua Pengarah Kerja Raya
- Yang Mulia, Ketua-Ketua Jabatan, Penolong-Penolong Pengarah, Penceramah-Penceramah Undangan (*Invited Speakers*), Pegawai-Pegawai Kanan, Jemputan-Jemputan Khas dan Hadirin Hadirat Sekalian

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَبِّكُمْ اللَّهُ وَبَنِي إِلَهٍ

Salam sejahtera dan selamat pagi

Alhamdulillah kita panjatkan syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wataala kerana dengan limpah kurnia, rahmat dan taufik serta izin Nya juga membolehkan kita semua hadir di majlis yang penuh berkebajikan pada pagi ini iaitu Majlis sambutan **“MINGGU KESELAMATAN DAN KESIHATAN 2019”**

Terlebih dahulu saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada pengurus dan ahli-ahli Jawatankuasa kerana menjemput saya hadir di Majlis ini selaku Tetamu Kehormat dan seterusnya merasmikan **“MINGGU KESELAMATAN DAN KESIHATAN 2019”** anjuran Jabatan Kerja Raya.

Saya merasa gembira kerana Kementerian Pembangunan melalui Jabatan Kerja Raya dapat mengungkayahkan sambutan Minggu Keselamatan dan Kesihatan 2019 pada tahun ini dengan mengajurkan seminar, bertujuan untuk membudayakan cara kerja sihat dan selamat yang perlu diambil berat oleh semua lapisan pekerja samada di sektor kerajaan mahupun di sektor swasta

disamping menambah pengetahuan dan berkongsi pengalaman “*best practices*” dari ahli-ahli perundangan dan pengamal kesihatan dan keselamatan dalam pekerjaan khususnya di dalam industri pembinaan.

Acara Minggu Keselamatan dan Kesihatan ini dianjurkan adalah menunjukkan kepekaan warga Kementerian Pembangunan mengenai pentingnya kesedaran kita tentang kesihatan dan keselamatan pekerjaan (*Occupational Safety and Health – OSH*) menurut tata-cara dan pengurusan pekerjaan sehari-hari kita di Kementerian ini, yang turut menyumbang kepada kesejahteraan semua.

Justeru itu, pada hemat saya, kesedaran mengenai kepentingan *Occupational Safety and Health [OSH]* tersebut tidaklah semata-mata hanya semasa pelancaran majlis ini bagi memperingati *World Day for Safety and Health at Work* pada tarikh 28hb. April setiap tahun, tetapi hendaklah dibudayakan secara konsisten didalam pekerjaan kita sehari-hari dan dikalangan seluruh warga kerja Kementerian ini.

Kesihatan dan Keselamatan Pekerjaan adalah salah satu keutamaan Kementerian ini yang termasuk dalam kerangka dasar dan rancangan strategik 2018-2023 Kementerian Pembangunan untuk

menjadikan kesihatan dan keselamatan sebagai satu budaya kerja seharian samada di tapak-tapak pembinaan mahupun di tempat kerja masing-masing.

Oleh itu, *Occupational Health & Safety Management System Manual* (OHSMS Manual) yang telah diterbitkan oleh Bahagian Kesihatan Keselamatan dan Alam Sekitar, Jabatan Pentadbiran dan Kewangan, Jabatan Kerja Raya bukan hanya tertumpu untuk kesihatan dan keselamatan warga Jabatan ini, pekerja-pekerja dan orang awam, malahan ianya merupakan salah satu kriteria yang perlu di patuhi didalam Pengurusan Kontraktor ataupun *Contractor Management* yang terkandung dalam OHSMS manual, bagi memastikan semua pihak yang berurusan dan melaksanakan projek dengan Jabatan ini melaksanakan tanggungjawab masing-masing mengikut garis panduan OHSMS manual dalam pengurusan kesihatan dan keselamatan.

Sidang hadirin hadirat semua.

Saya telah difahamkan bahawa Minggu Keselamatan dan Kesihatan 2019 ini dianjurkan selama dua hari dengan mengadakan seminar, sempena menyambut Hari Keselamatan Dan Kesihatan Tempat Kerja Sedunia 2019, disambut setiap 28hb. April, yang ditetapkan

oleh International Labour Organisation (ILO) yang mana tema pada tahun ini ialah SAFETY AND HEALTH AND THE FUTURE OF WORK.

Oleh itu, sempena Hari Keselamatan Dan Kesihatan Tempat Kerja Sedunia ini marilah kita sama-sama mendokong usaha International Labour Organisation (ILO) dan juga usaha-usaha yang telah dibuat oleh Kementerian ini dalam memperbaiki dan meningkatkan aspek-aspek kesihatan dan keselamatan pekerjaan; dan membuat persediaan bagi menghadapi cabaran masa hadapan seperti perubahan pengurusan kerja mengikut perubahan arus kemajuan teknologi, demografi, pembangunan mampan, termasuk juga mengambil kira perubahan-perubahan iklim dan organisasi kerja yang akan mempunyai impak kepada kesihatan dan keselamatan tempat kerja.

Program latihan dalaman serta bimbingan tempat kerja haruslah dilaksanakan secara berterusan, merangkumi pelbagai aspek teknikal, pengurusan kerja, pengawal-selia, pengawasan serta peraturan-peraturan dan Standard Operating Procedure (SOP).

Merujuk statistik yang dikeluarkan oleh **Pertubuhan Buruh Antarabangsa atau International Labour Organisation (ILO)**,

dianggarkan lebih 2.78 juta kematian pekerja setiap tahun akibat kemalangan pekerjaan dan penyakit yang berkaitan dengan pekerjaan. Manakala 2.4 juta (86.3 peratus) daripada kematian ini adalah disebabkan oleh penyakit yang berkaitan dengan pekerjaan, manakala lebih daripada 380,000 (13.7 peratus) adalah daripada kemalangan ditempat bekerja.

Manakala statistik kemalangan di industri pembinaan di negara kita telah menurun sebanyak 5.8% dari 104 kes kemalangan pada tahun 2017 kepada 98 kes kemalangan pada tahun 2018. Kes kemalangan jatuh dari tempat tinggi adalah yang tertinggi dalam statistik ini. Menurut laporan Kementerian Kesihatan 2017, 65% kemalangan di tempat kerja berlaku di *non health-care settings* dan kebanyakannya adalah kemalangan di tapak pembinaan.

Kemalangan dan penyakit ditempat berkerja melibatkan kos yang signifikan kepada ekonomi, kerugian tahunan telah dicatatkan sebanyak 3.94 peratus daripada KDNK global seperti yang dianggarkan oleh Pertubuhan Buruh Antrabangsa, ILO. Meningkatkan keselamatan dan kesihatan pekerja akan menyumbang kepada pencapaian Sustainable Development Goal (SDG 8 ) iaitu Decent Work And Economic Growth.

Oleh itu, persediaan seawalnya hendaklah dibuat secara berterusan melalui kesedaran komuniti dan pendidikan keatas bahaya dan risiko kerja bagi mengujudkan generasi yang selamat dan sihat.

Saya berdoa dan penuh berharap, mudah-mudahan dengan adanya usaha-usaha, kesedaran dan komitmen dari semua pihak yang berkepentingan dari peringkat pengurusan atasan hingga keperingkat bawah, kemalangan-kemalangan dan penyakit pekerjaan boleh dikurangkan atau di hindarkan.

Akhir kata, sekali lagi saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada Ahli Jawatankuasa Kerja Minggu Keselamatan dan Kesihatan 2019, Jabatan Kerja Raya yang terlibat dalam menjayakan Minggu Keselamatan dan Kesihatan 2019 ini.

Ucapan terimakasih juga ditujukan kepada penaja-penaja yang turut memberi sumbangan, sokongan dan komitmen bagi sama-sama menjayakan promosi meningkatkan budaya kerja selamat dan sihat.

Dengan kalimah Bismillahi Rahmani Rahim, saya dengan rasminya melancarkan “Minggu Keselamatan dan Kesihatan 2019, Jabatan Kerja Raya”.

Sekian,

Wabillahi Taufik Wal Hidayah Wassalamu Alaikum Warrahmatullahi Wabarakatuh.